



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI KE MIMOS BERHAD

PUTRAJAYA, 21 November 2023 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, untuk lawatan rasmi ke MIMOS Berhad hari ini.

Lawatan rasmi ini bertujuan untuk Perdana Menteri melihat secara langsung potensi luas MIMOS sebagai Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Gunaan (R&D) Negara di bawah MOSTI dalam **membantu wawasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi dan berdaya saing di peringkat global dan merealisasikan MALAYSIA MADANI.**

YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), mengetuai lawatan tersebut dengan jayanya, yang turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Dalam Negeri, YB Dr Zaliha Binti Mustafa, Menteri Kesihatan, YB Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital, YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, dan YM Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, pengasas MIMOS dan Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), yang juga berkhidmat sebagai Penasihat Sains, Teknologi dan Inovasi Negara.

Semasa berucap kepada Pengurusan dan kakitangan MIMOS, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan hubungannya yang telah lama terjalin dengan MIMOS dimana beliau pernah mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) pada sekitar tahun 90-an sebagai Timbalan Pengerusi NITC yang mana MIMOS adalah sekretariatnya. Beliau menekankan bahawa **penyelidikan dan kerjasama MIMOS sejajar dengan matlamat yang digariskan dalam rangka kerja ekonomi 'MALAYSIA MADANI', Ekonomi**

Digital, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR). YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menyatakan keyakinan terhadap tumpuan MIMOS terhadap Semikonduktor, Elektronik Termaju & Sistem Terbenam, dan teknologi ICT Strategik lain terutamanya yang berkaitan dengan Negara Pintar dengan memastikan keselamatan dan kedaulatan teknologi negara yang akan mempercepatkan kemajuan industri teknologi Malaysia. Beliau juga memuji kemudahan canggih MIMOS untuk menyokong pemain industri, dan penyelidik serta memupuk bakat masa depan dalam teknologi.

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim juga mengumumkan pelantikan **MIMOS Berhad sebagai Agensi Pelaksana program *Digital ID* Negara dengan peruntukan awal yang dianggarkan sebanyak RM80 juta.**

MOSTI, sebagai Kementerian penyelia untuk MIMOS Berhad, telah mengamanahkannya dengan beberapa mandat utama. Ini termasuk melaksanakan **Pelan Hala Tuju E&E: Pembangunan Teknologi 2021-2030** untuk meningkatkan nilai industri E&E tempatan, menerajui **Pelan Hala Tuju Rangkaian Blok Nasional** untuk memperkukuh peranan Malaysia dalam teknologi *Blockchain*, dan memacu **Pelan Pembangunan Kepintaran Buatan (AI) Negara** untuk pertumbuhan strategik dan daya saing. YB Chang Lih Kang berkata, "Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MIMOS atas dedikasi dan usaha berterusan anda dalam menyokong MOSTI untuk mencipta platform untuk membentuk masa depan landskap teknologi Malaysia. Beberapa penyelesaian teknologi yang sedang dibangunkan oleh MIMOS termasuk **Analisis Sentimen, Blockchain, Semikonduktor** dan **Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*)**. MIMOS juga menyediakan **Nasihat dan Advokasi Teknologi**. Saya percaya MIMOS boleh memainkan peranan yang lebih besar sebagai pemangkin kepada industri Teknologi Malaysia melalui kejayaan penyampaian semua mandatnya."

#TAMAT#

Disediakan oleh,
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
21 NOVEMBER 2023

Mengenai MIMOS Berhad

MIMOS adalah agensi strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan pusat inovasi dalam teknologi Semikonduktor, Mikroelektronik dan *ICT*, yang menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Malaysia melalui platform, produk dan penyelesaian teknologi yang boleh dipatenkan. Sejak penubuhannya, MIMOS telah memfailkan lebih daripada 1,300 paten dalam pelbagai domain teknologi dan merentasi bidang sosio-ekonomi utama yang memacu perkembangan transformasi digital Malaysia ke arena antarabangsa, menjenamakan semula dirinya sebagai MIMOS Global pada 2022.

Sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan, aktiviti *R&D* MIMOS kini tertumpu pada Semikonduktor & Penyelidikan Filem Nipis (*Semiconductor & Thin Film Research*), Elektronik Lanjutan & Sistem Terbenam (*Advance Electronics & Embedded Systems*), Teknologi Pembuatan (*Manufacturing Technology*) dan teknologi Negara Bestari (*Smart Nation*). MIMOS terus meningkatkan kerjasamanya dengan rakan kongsi strategik sedia ada, meneroka peluang baharu dengan bakal rakan kongsi, dan membangunkan syarikat teknologi baharu dan organisasi usaha niaga teknologi berorientasikan perniagaan. MIMOS juga mengekalkan *R&D* teknologi canggihnya, meneroka pembangunan keusahawanan teknologi global, dan memupuk sikap amanah, inovasi dan prestasi tinggi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.mimos.my**.

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi Komunikasi Korporat kami:

Muriani Mat Zin

Ketua Jabatan, Komunikasi Korporat

Emel: muriani@mimos.my

Patricia Liew

Pengurus, Komunikasi Korporat

Emel: patricia.liew@mimos.my

Laurence Sebastian

Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat

Emel: laurence@mimos.my